

21/05/1999

Projek rumah rakyat patut dapat perhatian

ISU perumahan kos rendah tidak akan selesai jika permainan `tarik tali' terus berlaku di kalangan semua pihak terbabit termasuk kerajaan negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit dalam kelulusan tanah dan pelan serta pemaju. Keadaan ini jauh berbeza dengan pembangunan projek perumahan sederhana yang biasanya mampu dibeli oleh golongan pertengahan dan projek perumahan mewah. Di bandar-bandar besar, projek perumahan untuk golongan pertengahan tumbuh bagaikan cendawan hanya disebabkan pasarannya begitu baik.

Malangnya, bagi projek perumahan kos rendah, ia seolah-olah tidak mendapat tempat oleh pihak terbabit. Sikap pasif terhadap pembangunan projek seperti itu menunjukkan seolah-olah projek perumahan kos rendah kian terpinggir. Keutamaan sentiasa diberikan kepada projek perumahan lain yang mana julat keuntungannya lebih besar. Semangat tanggungjawab sosial yang dilaung-laungkan tidak begitu dimanfaatkan. Walaupun tanggungjawab membina rumah kos rendah sepatutnya dilaksanakan majikan terutamanya sektor swasta dan badan berkanun ia masih lagi dianggap lembap.

Apa pun alasan yang diberikan, keadaan ini tidak sepatutnya berlaku. Peraturan menetapkan pembinaan projek perumahan kos rendah memang sudah ditetapkan tetapi dilihat dari segi peratusannya, rumah jenis inilah paling kurang dibina. Oleh itu, jika setiap pihak bercakap untuk menyelesaikan masalah kira-kira 1 juta penghuni setingga di negara ini, ia hanyalah diibaratkan sekadar memberi harapan. Rakyat hanya mendengar pengumuman bahawa sejumlah wang yang besar disediakan untuk melaksanakan projek seperti itu, tetapi pembangunan fizikal di depan mata masih lagi tertumpu kepada projek di luar kemampuan membeli golongan berpendapatan rendah.

Arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua menteri besar dan ketua menteri kelmarin supaya menyegerakan pelaksanaan projek perumahan kos rendah bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara serta mengatasi masalah perumahan rakyat berpendapatan rendah, tidak seharusnya dipandang ringan. Jika mengakui tugas untuk memulihkan ekonomi negara adalah tanggungjawab semua, golongan berpendapatan rendah juga berhak memberi sumbangan. Sumbangan mereka mungkin dari segi pembelian rumah kos rendah. Apa gunanya bercakap mengenai kemudahan pinjaman yang mampu disediakan oleh bank, jika tidak ada rumah yang hendak dibeli. Bank mungkin sudah mempunyai kecairan tunai yang mencukupi untuk mencergaskan semula operasinya, tetapi selagi kerajaan negeri tidak menggerakkan pembinaan rumah kos rendah, wang berkenaan mungkin digunakan oleh sektor lain.

Kemungkinan, disebabkan tidak ada pihak yang memantau kemajuan pembinaan projek perumahan kos rendah ini, pihak terbabit tidak mengambil berat mengenainya. Dengan arahan Dr Mahathir supaya kerajaan negeri mengemukakan laporan prestasi pelaksanaan program itu setiap dua minggu kepadanya dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), tidak ada alasan yang mereka boleh berikan. Adalah diharapkan kerajaan memaklumkan kepada umum negeri yang mempunyai prestasi cemerlang dalam menjayakan program itu supaya dicontohi negeri lain.

Pada masa yang sama, negeri yang memiliki prestasi buruk dalam melaksanakan program itu juga hendaklah dimaklumkan. Hanya dengan cara ini, kerajaan negeri sedar bahawa tidak ada kemajuan dari segi program seperti itu di negeri mereka. Jika ia berpunca daripada masalah kelembapan

perbadanan atau anak syarikat yang terbabit dalam projek pembangunan seperti ini, ia perlulah diatasi dengan segera. Jika masalah kelulusan tanah yang menjadi punca, tindakan mempercepatkan segala proses perlulah dilaksanakan.

Satu lagi masalah yang sering dibangkitkan rakyat berhubung isu perumahan ialah mengenai rumah yang sudah siap dibina tetapi tidak diduduki dalam satu tempoh jangka yang panjang. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku terutama jika rumah berkenaan sudah ada pembelinya. Apakah mereka sanggup melihat pembelinya, terutama golongan berpendapatan rendah dihimpit masalah bayaran berganda yang mana mereka perlu membayar ansuran bulanan rumah yang belum diduduki dan menyediakan wang untuk rumah sewa. Apa yang berlaku ini hanya menimbulkan kemarahan rakyat. Sekali pun rumah berkenaan mempunyai masalah yang biasanya akibat kelewatan mendapatkan sijil menduduki rumah, bekalan air atau elektrik, ia boleh diselesaikan dengan segera. Sebaliknya, dengan bertindak melengah-lengahkan kelulusan, menyebabkan rakyat miskin terus dihimpit masalah.

(END)